

UMNO akan mula kempen tambah ahli

UM 2 4 JUN 2001

KUALA LUMPUR 23 Jun — UMNO akan melakukan kempen penambahan ahli secara besar-besaran sebagai persediaan segera untuk menghadapi pilihan raya umum 2004, kata Naib Presidennya, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Menurut Najib, setelah berbincang dengan Presiden UMNO, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad, beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Biro Keahlian dan Pendaftaran Pemilih parti.

Katanya, menerusi kempen itu setiap Bahagian UMNO akan ditentukan sasaran kerja masing-masing dalam tempoh waktu untuk diusahakan.

Beliau yang juga Menteri Pertahanan berkata, pada fasa dua kempen itu, bahagian-bahagian akan diminta mendaftarkan ahli parti sebagai pengundi.

Program pertama dalam kempen penambahan ahli UMNO, menurut Najib, akan bermula di Terengganu sebagai menyahut saranan wakil Terengganu dalam sesi perbahasan supaya menjadikan negeri itu medan tempur UMNO.

Najib berkata demikian semasa mengulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra, hari ini.

Beliau turut menegaskan pendaftaran pemilih tahun depan mungkin merupakan tahun terakhir untuk mendaftar sebagai pengundi bagi pilihan raya akan datang mengikut peraturan yang sedia ada sekarang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT), Tan Sri Musa Mohamad dalam pengulungannya pula menegaskan kerajaan akan terus mempertahankan kuota 55 peratus peng-

ambilan pelajar bumiputera ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Malah beliau yang juga Menteri Pendidikan berkata, kerajaan juga akan meningkatkan jumlah pelajar bumiputera di institusi pengajian tinggi swasta (IPTS) untuk melahirkan lebih ramai profesional bumiputera di negara ini.

Menurutnya, langkah menambah jumlah pelajar ke IPTS akan dapat dilaksanakan menerusi penyediaan biasiswa serta pinjaman yang ditawarkan oleh Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kepada pelajar yang layak.

Pengambilan

Penekanan akan terus diberi kepada pengambilan pelajar bumiputera di IPTA bagi kursus-kursus kompetitif seperti perubatan, pergigian, farmasi, kejuruteraan dan perakaunan.

Selain itu latihan perguruan dalam pengkhususan Bahasa Inggeris sedang diubahsuai dan beberapa pakar dari dalam dan luar negara terlibat untuk menyumbang kepada pembaharuan ini.

Beliau berkata, kerajaan juga telah merangka beberapa dasar dan projek ke arah mewujudkan masyarakat yang clik IT dan mahir menggunakan ICT dalam era teknologi maklumat.

Sebelum itu Datuk Seri Mohamed Nazri Aziz ketika mengulung perkara yang dibangkitkan mengenai ke-

menteriannya pula meminta usahawan bumiputera mengikis sikap suka bergantung kepada kerajaan selamalamanya.

Bagaimanapun, beliau yang juga ahli Majlis Tertinggi UMNO berkata, kerajaan tidak pernah mengabaikan untuk melahirkan usahawan-usahawan bumiputera yang berjaya.

"Kementerian telah mewujudkan 13 tabung dengan dana sebanyak RM1.8 bilion untuk membantu usahawan-usahawan berskala kecil dan sederhana dengan memberi kemudahan modal perniagaan kepada mereka untuk memulakan dan mengembangkan perniagaan.

Mengulas lanjut Mohamed Nazri berkata, salah satu dana yang membantu peniaga-peniaga kecil dengan memberikan latihan dan pembiayaan kepada mereka ialah Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (Tekun).

"Hingga Disember 2000 Tekun telah beroperasi di 101 kawasan Parlimen dan telah membiayai 20,390 peniaga dan peniaga kecil dengan nilai pinjaman yang berjumlah RM60.22 juta tanpa jaminan dan cagaran," tambahnya lagi.

Katanya, bidang-bidang keusahawanan itu termasuk bidang peruncitan, perkhidmatan dan industri kecil luar bandar selaras dengan matlamat kerajaan mewujudkan masyarakat perdagangan perindustrian bumiputera.